



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 17

14hb Ogos 2003

TAMBAHAN
No. 1

AKTA TANAH

(KAWASAN PENEMPATAN BERAMAI-RAMAI), 1960

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT, 1960

(Akta 530)

(Act 530)

No. 2091.

PERISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN DESA DI DALAM
KAWASAN PENEMPATAN BERAMAI-RAMAI DI BAWAH SEKSYEN 5

DECLARATION OF RURAL SETTLEMENT AREA WITHIN
A GROUP SETTLEMENT AREA UNDER SECTION 5

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai), 1960, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa kawasan tanah yang terletak di Mukim Hulu Sungai Sedili Besar dan Sedili Besar, Daerah Kota Tinggi yang mengandungi lebih kurang 2104.77 ha. sk. (5201 ek. sk.) dan ditandakan dengan warna kelabu di atas Pelan No. P.W. 2276 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Johor di bawah seksyen 410 Kanun Tanah Negara, itu dijadikan kawasan penempatan desa di dalam Rancangan L.K.T.P. Bukit Aping Barat.

Bertarikh 5hb Ogos 2003.

[PTG. 101/PW-D/44; PTDKT. 3/29/98-1221; PUNJ. Bil. (PU2) 12(7).]

HAJI MOHAMAD BIN HAJI KARIM,

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Johor

In exercise of the powers conferred by subsection 5(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960 the State Authority hereby declares that the parcel of land situated in the Mukim of Hulu Sungai Sedili Besar and Sedili Besar District of Kota Tinggi comprising approximately 2104.77 ha. sk. (5201 ek. sk.) and delineated in grey on Plan No. P.W. 2276 deposited under section 410 of the National Land Code in the office of the Director of Survey, Johor to be a rural settlement area within the Bukit Aping Barat F.E.L.D.A. Scheme.

Dated the 5th day of August 2003.

[PTG. 101/PW-D/44; PTDKT. 3/29/98-1221; PUNJ. Bil. (PU2) 12(7).]

HAJI MOHAMAD BIN HAJI KARIM,
Clerk of the State Executive Council,
Johor

KANUN TANAH NEGARA

No. 2092.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Gadaffie bin Abd Aziz, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 20hb Ogos 2003 di Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 10.30 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM200,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM214,538.16 (Term Loan) Nama Pemegang gadaian Bumiputra-Commerce Bank Bhd.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja).
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar sertamerta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:
 - i. maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - ii. sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 17hb Disember 2003 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Plentong. No. Lot—PTD 22929. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 940. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 610/1997, Jilid 53, Folio 22 bertarikh 2hb Julai 1997.

Bertarikh pada 7hb Ogos 2003.

[(32) dlm. PTDJB (L) 28/1999.]

MOHD GADAFFIE BIN ABD AZIZ.

Pendaftar Mahkamah/Pentadbir Tanah,
Johor Bahru

No. 2093.

Saya, Mohd Gadaffie bin Abd Aziz, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 29hb Ogos 2003 di Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 9.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM380,000.00 [PTD 1533] (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Puluh Ribu Sahaja) & RM 300,000.00 [PTD 1535] (Tiga Ratus Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah
- (a) RM315,081.25 Nama pemegang gadaian Bumiputra Commerce Bank Berhad
 - (b) RM173,294.69 Nama pemegang gadaian Bumiputra Commerce Bank Berhad
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM38,000.00 [PTD 1533] (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lapan Ribu Sahaja) RM30,000.00 [PTD 1535] (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja).
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar sertamerta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:
- i. maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - ii. sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 26hb Disember 2003 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Tanjung Kupang. No. Lot—PTD 1533 dan PTD 1535. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 805 dan HS(M) 807. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 654/1996, Jilid 48, Folio 22 bertarikh 19hb Jun 1996 dan Perserahan No. 1044/1997, Jilid 55, Folio 44 bertarikh 27hb November 1997.

Bertarikh pada 11hb Ogos 2003.

[(16) dlm. PTDJB (L) 23/2002.]

MOHD GADAFFIE BIN ABD AZIZ,

Pendaftar Mahkamah/Pentadbir Tanah,

Johor Bahru

AKTA PENGAMBILAN TANAH, 1960

LAND ACQUISITION ACT, 1960

No. 2094.

(Seksyen 8)

(Section 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah, 1960 [Akta 486], Bagi Tujuan Tapak Dewan Orang Ramai (Kawasan 2), Mukim Api-Api. Untuk Pejabat Daerah Pontian.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletakinya tanah dan kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land Acquisition Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act, 1960 [Act 486], For The Purpose Of A Site For Community Hall (Area 2), Mukim Api-Api, Pontian For Pontian District Office.

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such land and area are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Pontian. Mukim—Api-Api.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan HS(D).	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot Hektar	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
2439	316	Neo Cher (Cha) Bin	7.7547 (19.1625 ekar)	0.4042 (1.0000 ekar)

Bertarikh pada 14hb Ogos 2003.

Dated the 14th day of August 2003.

[PTDP. 7/3/2003; PTG. XXXVIII/48/2003;

PUNJ. BIL. (PU)2 JILID 5 (14).]

SALEHUDDIN BIN HI. HASSAN,
Timbalan Pengarah Negeri,
Pejabat Tanah dan Galian, Johor/
Deputy State Director,
Lands and Mines Office, Johor

Hakcipta Penterak (B)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian ini daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dituaikan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fonokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Penerak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU
BAGI PEJAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA